

ISA tidak kecualikan pelajar — Mahathir

UM 7 JUL 2001

Oleh ISMAIL DAUD
dan ASUKI ABAS

KUALA LUMPUR 6 Julai — Pelajar tidak terkecuali daripada dikenakan tindakan termasuk di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) sekiranya mereka melanggar undang-undang negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, jika mereka terlibat dalam aktiviti haram yang menjejaskan keselamatan negara, undang-undang yang berkaitan akan digunakan.

“Pelajar tidak pernah dihalang daripada menyuara-

kan pandangan mereka tetapi jika mereka terlibat dalam aktiviti haram, ia adalah satu perkara lain.

“Jika mereka berdemonstrasi dan mengganggu orang lain daripada keluar bekerja atau menjalankan perniagaan mereka, ia tentu satu perkara yang berbeza. Saya rasa ini lebih berkaitan dengan soal keselamatan daripada kesalahan mengikut universiti kolej (Akta Universiti dan Kolej Universiti),” jelasnya ketika diminta mengulas penangkapan seorang pelajar Institut Kemahiran Mara, Khairul Anuar Ahmad Zainuddin mengikut ISA semalam. Be-

liau berkata demikian selepas melancarkan Radio IKIM.fm di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di sini hari ini.

Pelajar itu ditangkap di bawah Seksyen 73 (1) ISA di hadapan ibu pejabat polis daerah Dang Wangi semalam.

Dia ditahan ketika mengiringi enam pelajar lain melaporkan diri berhubung susatan kes perhimpunan haram di Masjid Negara, 8 Jun lalu.

Dr. Mahathir berkata, polis tentunya menggunakan budi bicaranya untuk menentukan undang-undang yang sesuai digunakan ter-

hadap pelajar terbabit. Mengenai tindakan Pas yang bersedia berunding dengan DAP tanpa dikenakan sebarang syarat, Dr. Mahathir berkata, perkara itu tidak menghairankan beliau.

Katanya, ini kerana Pas dan DAP kini sangat rapat, malah kedua-dua mereka telah berpeluk-peluk antara satu sama lain.

“Dengan UMNO kena syarat, dengan DAP tidak ada syarat, dia dah peluk-peluk dah dengan DAP,” katanya.

Mengenai desakan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) supaya kerajaan menghentikan peng-

ambilan pekerja asing, Perdana Menteri’ berkata, kerajaan sentiasa mengambil sikap berhati-hati dalam isu pengambilan pekerja asing.

Katanya, rakyat tempatan tetap diutamakan untuk mendapat pekerjaan.

Tegas Dr. Mahathir, kerajaan juga memberi jaminan tidak ada pekerja asing yang dibawa masuk bagi menggantikan pekerja tempatan.

“Jika kita dapat bukti pekerja tempatan digantikan dengan pekerja asing, kita ambil tindakan,” katanya.